



Headline: Rm22,000 lesap ditipu  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 15 August 2019

Language: Malay  
Section: Tengah  
Page: 30

## RM22,000 lesap ditipu

**KUANTAN-** Seorang pekerja loji air di Muadzam Shah di sini rugi RM22,000 selepas diperdaya 'Inspektor Imran' kelmarin.

Mangsa memindahkan wang itu bagi mengelak tindakan undang-undang kerana dikaitkan dengan kes pengedaran dadah dan pengubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa membuat laporan polis selepas menyedari ditipu.